

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

BAT 302/3 - Pengurusan Perikanan

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

[BAT 302/3]

1. Huraikan perikanan sawah padi di Malaysia. Apakah masalah dan cabaran yang dihadapi oleh perikanan ini masa kini.

(20 markah)

2. Jelaskan konsep 'menangkap ikan dengan terlampau' atau 'overfishing'. Apakah simptom-simptom yang menunjukkan ianya sedang berlaku dan mengapa ia berlaku?

(20 markah)

3. Data tentang tangkapan dan dayausaha telah didapati dari satu industri perikanan di Malaysia. Dengan menggunakan model perikanan jenis logistik Schaefer's, tentukan Hasil Mapan Maksimum (MSY) dan dayausaha menangkap ikan optimum untuk industri perikanan ini. Bentukkan lengkok hasil seimbangan untuk perikanan mengikuti model ini. Terangkan kedudukan industri perikanan ini pada akhir tahun 1997.

Tahun	Dayausaha Unit	Tangkapan (ton)
1991	64	31,900
1992	112	46,400
1993	131	52,400
1994	172	56,100
1995	218	52,400
1996	250	51,200
1997	275	39,400

Model Schaefer: $Y_E = af_E - bf_E^2$

di mana: Y_E = hasil seimbangan
 f_E = dayausaha menangkap ikan
(a & b adalah angkatap)

(20 markah)

...3/-

[BAT 302/3]

4. Perindustrian perikanan pesisiran pantai (Zon A) hanya dibenarkan diusahakan oleh nelayan yang menggunakan alat tradisi. Sila terangkan semua jenis alat tradisi menangkap ikan yang digunakan di Zon ini.

(20 markah)

5. Jelaskan semua langkah pengurusan yang boleh diambil untuk mengawal industri perikanan supaya penangkapan ikan dengan terlampau tidak berlaku. Bincang kegunaannya dalam industri perikanan di Malaysia.

(20 markah)

6. Huraikan perikanan pukat jerut di Malaysia. Apakah masalah dan cabaran yang dihadapi oleh perikanan ini?

(20 markah)

- ooo O ooo -